

**PEMBANGUNAN SUKATAN PELAJARAN ASAS
PEMBELAJARAN GITAR ELEKTRIK BAGI
PEMAIN DALAM KELOMPOK
SINISTRALITI TERBALIK**

MOHAMMAD EFFANDI BIN OTHMAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023

**PEMBANGUNAN SUKATAN PELAJARAN ASAS PEMBELAJARAN GITAR
ELEKTRIK BAGI PEMAIN DALAM KELOMPOK SINISTRALITI
TERBALIK**

MOHAMMAD EFFANDI BIN OTHMAN

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN MUZIK
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023




Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH****PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada ...13...(hari bulan) ...Jun... (bulan) 2023....

i. Perakuan pelajar :Saya, MOHAMMAD EFFANDI BIN OTHMAN, NO. MATRIK M20191000876 (SILANYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PEMBANGUNAN SUKATAN PELAJARAN ASAS**PEMBELAJARAN GITAR ELEKTRIK BAGI PEMAIN DALAM KELOMPOK SINISTRALITI TERBALIK**

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. DR. MOHD HASSAN BIN ABDULLAH (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PEMBANGUNAN SUKATAN

PELAJARAN ASAS PEMBELAJARAN GITAR ELEKTRIK BAGI PEMAIN DALAM KELOMPOK SINISTRALITI TERBALIK

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN MUZIK (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

7 JULAI 2023

Tarikh

Tandatangan Penyelia

Profesor Dr. Mohd Hassan Abdullah
Fakulti Muzik dan Seni Persembahan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: **PEMBANGUNAN SUKATAN PELAJARAN ASAS PEMBELAJARAN
GITAR ELEKTRIK BAGI PEMAIN DALAM KELOMPOK SINISTRALITI
TERBALIK**

No. Matrik / Matric's No.: **M20191000876**

Saya / I: **MOHAMMAD EFFANDI BIN OTHMAN**

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan/ Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: **7 JULAI 2023**

Profesor Dr. Mohd Hassan Abdullah
Fakulti Muzik dan Seni Persembahan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan berkatNya, dapatlah penulis menyiapkan tesis bagi memenuhi syarat Ijazah Sarjana Pendidikan Muzik dalam tempoh masa yang ditetapkan. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan sejuta penghargaan ditujukan kepada Prof. Dr. Mohd. Hassan bin Abdullah selaku penyelia tesis yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan juga membimbing penyelidik sepanjang melaksanakan kajian ini. Selain itu, terima kasih juga diucapkan kepada pemeriksa Prof. Madya Dr. Hj. Mohd. Azam bin Sulong dan Dr. Chamil Arkhasa Nikko bin Mazlan. Pakar penilai kurikulum, Prof. Madya Dr. Ramona binti Hj. Mohd. Tahir dan pakar penilai yang juga tokoh sinistraliti, Encik Rahman bin Mahmood. Pakar-pakar sinistraliti iaitu Encik Roslan bin Alias (*Lantaroo*), Encik Syed bin Syed Mohd. Tahir, Encik Mohamad Fariz bin Jofri dan informan Encik Nordin bin Abdullah. Penghargaan tidak terkecuali kepada panel-panel Perbincangan Kumpulan Fokus (*FGD*) iaitu *Boy Spoon*, Wan Arif, Saiful *lefty*, Dom dan Andy. Sahabat seperjuangan, Encik Sajastanah bin Imam Koning, Encik Fahrur Rozi bin Ismail dan Encik Fakarudin bin Abdul Wahab yang telah memberikan kerjasama serta bantuan sepanjang penyelidik menjalankan kajian ini. Selain itu, tidak lupa juga setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada keluarga yang disayangi dan isteri iaitu Samsiah binti Zainuddin yang tidak putus-putus memberikan dorongan dan semangat untuk meneruskan penyelidikan ini. Sekalung penghargaan dan sekalung budi buat semua yang terlibat di Unit Pengurusan Fakulti Muzik dan Seni Persembahan dan Pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris sepanjang pengajian saya di sini. Sekian terima kasih.





ABSTRAK

Kajian ini menjelaskan fenomena perlakuan individu yang mendominasi tangan kiri (sinistraliti) melebihi tangan kanan (non-kidal) dalam konteks permainan gitar elektrik. Pembangunan sukatan pelajaran asas pemain gitar sinistraliti tali terbalik bertujuan menyelesaikan permasalahan kelompok ini dalam mendapatkan sukatan pelajaran asas. Objektif utama penyelidikan ialah menganalisis keperluan dan kandungan yang relevan terhadap pemain gitar dalam kelompok sinistraliti terbalik, membangunkan satu sukatan pelajaran yang komprehensif berpandukan analisis dan perolehan data, seterusnya mengesahkan pembangunan sukatan pelajaran baharu. Kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan reka bentuk dan pembangunan (DDR) melalui tiga fasa asas kajian dan dibantu oleh model-model pembangunan kurikulum. Pembangunan sukatan pelajaran baharu berjaya dilaksanakan menerusi proses adaptasi dan modifikasi spesifikasi unit sukatan pelajaran peperiksaan gitar elektrik Rockschool Limited (RSL) yang berpandukan keperluan kajian. Pelaksanaan metodologi kajian melalui prosedur, kaedah serta instrumen-instrumen kajian telah menghasilkan dapatan kajian dengan terhasilnya satu dokumen standard Sukatan Pelajaran Gitar Sinistraliti Terbalik (SPGST) peringkat asas yang mempunyai lapan unit spesifikasi berperanan sebagai panduan asas pembelajaran Produk ini signifikan terhadap kelompok orang-orang sinistraliti sebagai satu sukatan pelajaran formal. Justeru, diharapkan kajian pembangunan sukatan pelajaran pemain gitar sinistraliti terbalik ini dimanfaatkan bukan sahaja sebagai satu aspirasi malah satu inspirasi dari pelbagai sudut kajian ilmiah yang menjadi rujukan kepada para penyelidik dalam dan luar negara.



DEVELOPMENT OF A BASIC LESSON FOR LEARNING THE ELECTRIC GUITAR FOR PLAYERS IN THE REVERSE SINISTRALITY GROUP

ABSTRACT

This study will explain the phenomenon of individual behavior that overlooks the left hand (sinistrality) beyond non-left-handed in the context of electric guitar play. The development of the inverse sinistrality guitar player syllabus is based on the effectiveness identified in starting guitar learning. Difficulties in obtaining a written syllabus focus on the study. The syllabus includes items from the Rockschool Limited (RSL) electric guitar examination syllabus based on adaptation and modification according to the study requirements. This development has the main objective of analyzing the needs and content relevant to the guitarist and developing a structured and valid syllabus. This qualitative study uses a design and development approach (DDR) assisted by syllabus development models. The research will go through three basic phases of the study involving the method of analyzing documents, developing syllabus and verifying the syllabus from relevant field experts. This syllabus was specially developed for guitarists of the inverse sinistrality and significant strings against individuals and groups of inverse sinistrality people in the future. It is look forward to that the development of the inverse sinistrality guitar player syllabus will contribute in the form of scientific learning guidance and be a reference to researchers from within and outside the country.

KANDUNGAN

PERAKUAN	ii
PENGESAHAN PENGHANTARAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xix
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.1.1 Pembelajaran Formal	3
1.1.2 Pembelajaran Informal	6
1.1.3 Pembelajaran Non-Formal	7
1.2 Latar Belakang Kajian	8

1.3	Pernyataan Masalah	12
1.4	Objektif Kajian	17
1.5	Persoalan Kajian	18
1.6	Definisi Operasional	18
1.6.1	Pembangunan	19
1.6.2	Sukatan Pelajaran	19
1.6.3	Peringkat Asas	19
1.6.4	Gitar Sinistraliti Standard	20
1.6.5	Gitar Sinistraliti Terbalik	20
1.6.6	Adaptasi	20
1.6.7	Modifikasi	21
1.7	Batasan Kajian	21
1.7.1	Fasa Pengesahan Buku Kebolehgunaan	21
1.7.2	Tiada Peperiksaan Formal	22
1.7.3	Gitar Elektrik	22
1.7.4	Pembacaan Not dan Tablature	23
1.7.5	Kaedah Mendengar dan Mengaplikasi Bunyi	23
1.8	Kepentingan Kajian	24

1.8.1	Individu dalam Kelompok Sinistraliti	25
1.8.2	Pendidik Gitar Sinistraliti (<i>Sinistrality Guitar Instructor</i>)	26
1.8.3	Ahli Penyelidik	26

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	27
2.2	Sukatan Pelajaran	28
2.3	Sinistraliti	28
2.4	Institusi Muzik Formal Swasta	29
2.4.1	<i>Rockschool Limited (RSL)</i>	30
2.4.2	<i>Associated Board of the Royal School of Music (ABRSM)</i>	31
2.4.3	<i>Yamaha Music</i>	32
2.4.4	<i>Trinity College London (TCL)</i>	33
2.4.5	<i>London College of Music (LCM)</i>	34
2.5	Justifikasi Awal Pemilihan Sukatan Pelajaran Sandaran	35
2.5.1	Kandungan Sukatan dan Gred	40
2.5.2	Pemilihan lagu-lagu <i>Rockschool Limited (RSL)</i>	41
2.5.3	Kord, Skel, dan Arpeggio	42
2.5.4	Improvisasi	43

2.6 Model-Model Pembangunan Kurikulum	45
2.6.1 Model Tyler	46
2.6.2 Pembangunan Kurikulum Model Taba, (1962)	49
2.7 Kajian Lepas	53
2.7.1 Kajian dalam Negara	53
2.7.2 Kajian Luar Negara	56
2.8 Kerangka Konseptual Kajian	61
2.9 Rumusan	62

BAB 3 METODOLOGI

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi	3.1 Pengenalan	64
	3.2 Reka bentuk Kajian	65
	3.3 Instrumen Kajian	68
	3.3.1 Analisis Keperluan	68
	3.3.2 Temu Bual	71
	3.3.3 Perbincangan Kumpulan Fokus (<i>FGD</i>)	73
	3.3.4 Analisis Spesifikasi Unit-Unit <i>Rockschool Limited (RSL)</i>	75
	3.4 Prosedur Pengumpulan Data	78
	3.5 Prosedur Penganalisan Data	83

3.6 Pengesahan Sukatan Pelajaran oleh Pakar Penilai	85
3.7 Etika Kajian	86
3.8 Rumusan	88

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	90
4.2 Soalan Kajian 1:	91
4.2.1 Analisis Dokumen (Analisis Kandungan)	92
4.2.2 Rumusan Dapatan Analisis Dokumen	126
4.3 Temu bual	129
4.3.1 Keperluan pembangunan sukatan baharu sinistraliti.	133
4.3.2 Pemilihan Kandungan dari <i>Rockschool Limited (RSL)</i>	134
4.4 Perbincangan Kumpulan Fokus (<i>FGD</i>)	138
4.4.1 Analisis kandungan yang dipersetujui panel-panel (<i>FGD</i>)	138
4.4.2 Rumusan Perbincangan Kumpulan Fokus (<i>FGD</i>)	150
4.5 Rumusan	152
4.6 Soalan Kajian 2	152
4.6.1 Pembangunan sukatan pelajaran	153
4.7 Rumusan	165

4.8 Soalan Kajian 3	165
---------------------	-----

4.8.1 Pakar Penilai (PP)	167
--------------------------	-----

4.9 Rumusan	178
-------------	-----

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

5.1 Pengenalan	180
----------------	-----

5.2 Rumusan Kajian	181
--------------------	-----

5.3 Perbincangan	183
------------------	-----

5.3.1 Soalan Kajian 1	183
-----------------------	-----

5.3.2 Soalan Kajian 2	197
-----------------------	-----

5.3.3 Soalan Kajian 3	215
-----------------------	-----

5.4 Kesimpulan	217
----------------	-----

5.5 Cadangan	217
--------------	-----

5.5.1 Cadangan Pelaksanaan Hasil kajian	218
---	-----

5.5.2 Cadangan Kajian Lanjutan	219
--------------------------------	-----

5.6 Penutup	222
-------------	-----

RUJUKAN	223
----------------	-----

LAMPIRAN	228
-----------------	-----

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.5	Kandungan sukatan pelajaran institusi muzik formal	34
3.3.4	Spesifikasi unit-unit serta kandungan sukatan pelajaran gitar elektrik <i>Rockschool Limited (RSL) Malaysia, Guitar Syllabus Specification 2018-Revisted: 13 November 2020</i>	73
3.5	Instrumen dan kaedah penganalisan data	80
4.2.1	Persetujuan pemilihan cadangan sukatan pelajaran sandaran	89
4.2.1.1 (i)	Kandungan dan penerangan dokumen <i>Rockschool Limited (RSL) Malaysia, Guitar Syllabus Specification 2018-Revisted: 13 November 2020 revised 2020</i>	90
4.2.1.1(ii)	Pemilihan kandungan oleh pakar-pakar sinistraliti	92
4.2.1.1 (iii)	Kandungan empat komponen pilihan pembangunan SPGST	93
4.2..1 (iv)	Analisis penuh empat komponen pilihan <i>Rockschool Limited (RSL)</i>	94
4.2.1.1 (v)	Pemilihan Kandungan Pakar 1	104

No. Jadual		Muka Surat
4.2.1.1 (vi)	Pemilihan Kandungan Pakar 2	108
4.2.1.1 (vii)	Pemilihan Kandungan Pakar 3	112
4.2.1.1 (viii)	Ringkasan Pemilihan Kandungan	116
4.2.1.1 (ix)	Justifikasi Pemilihan Tema dan Penerangan	117
4.2.2	Rumusan dapatan analisis dokumen	119
4.3.1	Persetujuan pakar dan informan terhadap pembangunan SPGST	125
4.3.2	Kandungan Cadangan Pembangunan SPGST	128
4.4.1	Perincian isi kandungan dan persetujuan panel Perbincangan Kumpulan Fokus (<i>FGD</i>)	130
4.4.2	Unit-unit Sementara Sukatan Pelajaran SPGST	142
4.6.1	Spesifikasi Sementara Standard Kurikulum dan Pentaksiran Sukatan Pelajaran Gitar Sinistraliti Terbalik Peringkat Asas	145
4.8.1 (i)	Maklum balas dan pengesahan Pakar Penilai bagi Spesifikasi Kandungan	156
4.8.1 (ii)	Maklum balas dan Pengesahan Pakar Penilai bagi Spesifikasi Pembelajaran	159
4.8.1 (iii)	Maklum balas dan pengesahan Pakar Penilai bagi Tahap Penguasaan	159

No. Jadual		Muka Surat
4.8.1 (iv)	Maklum balas dan pengesahan Pakar Penilai bagi Spesifikasi Prestasi melalui Tafsiran	160
4.8.1 (v)	Maklum balas dan pengesahan Pakar Penilai bagi Catatan	161
4.9.1 (vi)	Spesifikasi Standard Kurikulum dan Pentaksiran Sukatan Pelajaran Gitar Sinistraliti Terbalik Peringkat Asas	162
5.3.1.2	Proses perolehan keperluan pembangunan	178
5.3.1.4	Justifikasi Adaptasi dan Modifikasi <i>Rockschool Limited (RSL)</i> dan SPGST	185

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.2	Perbezaan dua jenis permainan gitar sinistraliti berdasarkan aturan tali dan nama tali	11
1.3	Aktiviti biasan imej dan pantulan imej cermin pemain gitar non-kidal	13
1.4	Pembalikan komponen-komponen melalui permainan sinistraliti sinistraliti terbalik menggunakan gitar pemain non-kidal	15
1.8	Peranan otak manusia pada bahagian kiri dan kanan	23
2.4.3	Gred Peperiksaan Yamaha Music	32
2.6.1.(i)	Pembangunan Kurikulum Model Tyler	44
2.6.1.(ii)	Rajah proses Model Tyler	45
2.6.2	Model Pembangunan Kurikulum Taba	48
2.8	Kerangka Konseptual Kajian SPGST	60
3.2	Reka bentuk dan Pembangunan (Richey & Klein, 2007) SPGST	64

No. Rajah		Muka Surat
3.3.1	Kerangka Model Analisis Keperluan Hutchinson & Waters, (1987)	67
3.3.3	Perbincangan Kumpulan Fokus (<i>FGD</i>)	72
3.4	Prosedur Pengumpulan Data Pembangunan SPGST	76
3.7	Etika-Etika Pematuhan dalam Pembangunan SPGST	84
4.2.1.1 (iii)	Kandungan empat komponen pilihan pembangunan SPGST	93
4.3.2 (i)	Pemilihan kandungan pakar 1	126
4.3.2 (ii)	Pemilihan kandungan pakar 2	127
4.3.2 (iii)	Pemilihan kandungan pakar 3	127
5.3.2.2	Unit 1: Pembangunan Organologi	190
5.3.2.3	Unit 2: Pembangunan Aksesori, Tetapan dan Fungsi	192
5.3.2.4	Unit 3: Pembangunan Notasi dan <i>Tablature</i>	194
5.3.2.5	Unit 4: Pembangunan Kord-Kord	196
5.3.2.6	Unit 5: Pembangunan Skel-Skel dan Arpeggio	198
5.3.2.7	Unit 6: Pembangunan <i>Strumming</i> dan <i>Plucking</i>	200
5.3.2.8	Unit 7: Pembangunan Lagu-Lagu Asas	201

No. Rajah

Muka Surat

5.3.2.9 Unit 8: Pembangunan Improvisasai dan Interpretasi

203

SENARAI SINGKATAN

ABRSM	<i>Associate Board of The Royal School of Music</i>
ASWARA	Akadedmi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan
CQ	<i>Creative Qualification CQ</i>
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
DS	<i>Downstroke</i>
FGD	<i>Focus Group Discussion</i>
ICOM	International College of Music
IPS	Institut Pengajian Siswazah
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
LH	<i>Left Hand</i>

LKW	Lim Kok Wing
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
PAA	<i>Performance Arts Award</i>
RH	<i>Right Hand</i>
RSL	<i>Rockschool Limited</i>
SPGST	Sukatan Pelajaran Gitar Sinistraliti Terbalik
TCL	<i>Trinity College London</i>
UA	Universiti Awam
UITM	Universiti Teknologi Mara
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
US	<i>Upstroke</i>
USM	Universiti Sains Malaysia
VQ'S	<i>Vocational Qualifications</i>

BAB 1

PENGENALAN

1.1. Pendahuluan

Gitar dikenal pasti kewujudannya sehingga 3000 sebelum Masihi (SM) di Mesir sebagai Lyra dan 1500 SM di Persia sebagai Sitar atau Sehtar (I. Andre, 2019). Terdapat tiga jenis gitar yang diketahui umum ialah gitar klasikal, akustik dan elektrik. Kajian ini membincangkan tentang gitar elektrik yang dikenali dalam permainan muzik moden seperti *Jazz*, *Blues*, *Rock* dan sebagainya. Secara ringkasnya, gitar elektrik berfungsi melalui *pickup* elektromagnetik dengan menangkap dan mengubah getaran tali kepada bentuk isyarat, kemudian dibawa ke *volume* suara melalui medium kabel atau gelombang radio yang bergantung pada penguat dan secara elektronik mampu menghasilkan bunyi dan memanipulasi bunyian pada gitar.

Sejarah ringkas gitar elektrik dikatakan bermula di Amerika Syarikat pada tahun 1920-an. Menurut Zimring, C. A. (2017), pada tahun 1890, Theodore Wolfram telah menghasilkan papan fret gitar daripada bahan besi dan selepas 60 tahun, syarikat usaha

sama Travis Bean dan Kramer menghasilkan gitar elektrik melalui aluminium (pada bahagian *neck* gitar). Bermula dari itu, gitar elektrik berkembang dan alat muzik ini digunakan di seluruh dunia. Di Malaysia, era kemasukan gitar elektrik bermula dari tahun 1940 hingga pertengahan tahun 1960 seiring dengan kemasukan budaya tarian, gaya pemakaian dan gaya rambut dari barat. Menurut Barendregt, B., Keppy, P., & Nordholt, H S., (2017) dalam *Popular Music in Southern Asia*,

Evidence from Indonesia, Malaya, Singapore, the Philippines, and Thailand suggests that teenage music fans originated from urban middle-class to upper-class environments. They could afford to buy gramophone records, a radio set, some electric guitars, and travel to distant places for dancing contest.
(Barendregt, 2017, p. 42).

Kesimpulannya, gitar elektrik merupakan salah satu alat muzik pilihan dan dapat dilihat melalui perkembangannya berdasarkan beberapa aspek seperti kemajuan pembuatan, kepelbagaian teknik permainan dan genre-genre muzik baharu yang terhasil. Justeru, pemain alat muzik gitar sentiasa meningkat dan pertambahan ini bukan sahaja kepada populasi orang non-kidal tetapi dalam kelompok pemain tangan kiri (kidal).

Dalam konteks kajian, kelompok orang kidal melalui istilah perubatan barat iaitu '*Sinistraliti*' bermaksud kecenderungan menggunakan tangan kiri daripada tangan kanan dalam melakukan pekerjaan harian. Golongan ini merupakan minoriti dalam populasi dunia dan mereka didapati berkompromi dalam mengadaptasi penggunaan peralatan-peralatan yang dihasilkan untuk orang-orang non-kidal. Justeru, pembelajaran gitar bagi kelompok sinistraliti juga turut mengalami situasi yang sama iaitu mereka terpaksa mengadaptasi penggunaan gitar elektrik yang orang-orang non-



kidal. Disebabkan fenomena ini berlaku secara tidak formal, pengesanan terhadap sejarah asal usul pemain gitar sinistraliti sukar didapati secara spesifik. Sebelum memahami secara lebih lanjut tentang amalan permainan gitar sinistraliti ini, beberapa penerangan umum tentang jenis-jenis pembelajaran gitar yang terdapat di negara ini.

Di Malaysia, proses pengajaran dan pembelajaran gitar elektrik didapati berkembang dengan wujudnya pelbagai medium pembelajaran yang dikelaskan mengikut tiga peringkat umum iaitu pembelajaran formal, informal dan non-formal. Menurut Czerkawski, B.C. (2016), berdasarkan penemuan Laurillard (2007), menerangkan bahawa pembelajaran formal dan informal mempunyai perbezaan dari sudut cara pembelajaran. Ini menjelaskan bahawa setiap individu mempunyai pengalaman berbeza dalam proses belajar dan perlu melengkapkan diri dan peka terhadap ilmu-ilmu baharu mengikut peredaran zaman. Tiga jenis pembelajaran adalah seperti di bawah:

1.1.1 Pembelajaran Formal

Pembelajaran formal mewakili pendidikan yang dikendalikan oleh institusi yang mempunyai struktur hierarki, penetapan kronologi melalui gred, organisasi perunding dan secara umumnya ialah pusat pendidikan yang berpolisi untuk masa lalu, kini dan pada masa hadapan (Dumitru, T. C., 2018). Pembelajaran secara formal melalui institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang berdaftar. Selain mempunyai pendidikan dalam jangka masa yang ditetapkan, institusi ini menawarkan kursus-kursus muzik secara amnya dan dalam konteks kajian, gitar elektrik merupakan alat muzik yang lazimnya diwujudkan menerusi fakulti seni persembahan dan pendidikan.





Contoh-contoh institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang menawarkan kursus gitar elektrik adalah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), International College of Music (ICOM) dan Lim KokWing (LKW).

Institusi-institusi ini menawarkan pelbagai peringkat pengajian yang meliputi peringkat diploma, ijazah dan siswazah. Para pelajar akan mengikuti pembelajaran muzik dengan memahirkan diri dalam permainan alat muzik yang dipilih dan gitar elektrik merupakan alat muzik yang mempunyai kurikulum standard berstruktur.



muzik swasta yang skalanya lebih kecil daripada universiti awam dan institut swasta. Beberapa contoh sekolah muzik swasta yang tersenarai dalam kategori ini ialah *Yamaha*, *Bently Music*, *Guitar Collection* dan *Tarrega* yang menyediakan sukatan pelajaran formal alat muzik gitar elektrik dari sekolah muzik berpangkalan di luar negara.

Sukatan pelajaran formal ini berorientasikan peperiksaan dan dilaksanakan mengikut piawaian bergred dan berperanan sebagai medium bagi pelajar-pelajar mendapatkan pengiktirafan berbentuk sijil, diploma, ijazah dan lain-lain. Dengan adanya platform ini, mempelajari gitar elektrik secara formal didapati lebih berkesan melalui sukatan pelajaran, modul dengan bantuan tenaga pengajar yang bertauliah. Justeru, dengan wujudnya sukatan pelajaran dari luar negara ini, mendorong penyelidik



mengenalkan serta menyenaraikan sukatan pelajaran formal yang ada di Malaysia seperti berikut :

- *The Associated Board of the Royal Schools of Music (ABRSM),*
- *Rockschool Limited (RSL),*
- *Yamaha Music School,*
- *Trinity College London (TCL), dan*
- *London College of Music Examination (LCME).*

Menurut Djahwasi, H. R., Saidon, Z. L., & Ching, C. C. S. (2020), berdasarkan analisis dokumen beliau terhadap dua sukatan pelajaran iaitu *The Associated Board of the Royal Schools of Music (ABRSM)* dan *Trinity College London (TCL)*, menyatakan sekolah-sekolah yang berorientasikan peperiksaan ini mempunyai standard dalam proses pembelajaran manakala penilaian pula turut dilakukan secara formal. Penelitian penyelidik menerusi sorotan literatur, mendapati perkara yang sama berlaku untuk ketiga-tiga sukatan pelajaran lain yang disenaraikan iaitu *Rockschool Limited (RSL)*, *Yamaha Music School* dan *London College of Music Examination (LCME)*. Keseluruhan isi kandungan yang ditulis mempunyai ketepatan dari sudut konstruk-konstruk pendidikan selain aras pembelajaran yang boleh diukur menerusi kaedah-kaedah penilaian dan pentaksiran yang ditetapkan.

Kajian ini turut memberi penekanan awal bahawa dalam usaha membangunkan sukatan baharu secara formal, isi kandungan bergred sukatan-sukatan ini dapat membantu dalam memberikan justifikasi jelas dan mempunyai kesignifikan yang tinggi terhadap pembangunan kajian sukatan pelajaran ini. Justeru, jenis pembelajaran formal



ini diselidiki terlebih dahulu bertujuan sebagai pemahaman awal dalam melengkapi keperluan kajian.

1.1.2 Pembelajaran Informal

Pembelajaran informal atau pun dikenali pendidikan bukan formal adalah pendidikan yang merujuk kepada semua program pendidikan yang dianjurkan yang berlaku di luar sistem persekolahan formal yang kebiasannya melibatkan pembelajaran untuk jangka masa pendek dan secara sukarela. Khaddage, F., Muller, W., & Flintoff, K. (2016), menyokong pernyataan Mcgivney (2006), yang menjelaskan bahawa wujud persetujuan pembelajaran informal adalah pembelajaran yang diambil di luar pembelajaran formal yang diiktiraf. Pembelajaran ini tidak mengikuti kurikulum yang spesifik dan tidak memerlukan perancangan pedagogi secara teratur dan dilaksanakan melalui media elektronik dan media cetak. Medium pembelajaran ini dikaitkan menerusi pembelajaran maya menggunakan capaian internet.

Dalam konteks pembelajaran gitar, ia dilihat lebih popular kerana mudah diakses dan kepelbagaian dalam memilih kandungan melalui kaedah video tutorial dan audio pembelajaran. Contohnya, saluran *youtube* yang merupakan kegiatan pembelajaran secara observasi dan imitasi. Amalan pembelajaran ini mempunyai hubungan kait dengan strategi pembelajaran aktif, sendiri dan anjal.

Demikian dinyatakan bahawa medium ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi terhadap pembelajaran gitar. Berdasarkan dapatan kajian Almurashi, W. A. (2016), mendapati kelebihan video *Youtube* dalam aktiviti pembelajaran sendiri dengan



maklum balas dan peneguhan yang cepat serta pengintegrasian multimedia daripada sumber yang pelbagai. Kualiti paparan, informasi, grafik dan audio yang baik dapat membantu meningkatkan kemahiran dan kualiti belajar secara efektif.

Selain itu, media cetak juga dilihat sebagai medium pembelajaran informal penting menerusi penerbitan buku, majalah, jurnal dan pelbagai lagi bahan berkaitan pembelajaran gitar elektrik. Media ini dilihat sebagai satu jenis media relatif yang mempunyai kos yang rendah dan fleksibel. Melalui teks dan variasi pelbagai meliputi buku, brosur, *leaflet* dan *handout* (Pribadi, B.A. 2017). Kualiti penerbitan dan cetakan pada zaman kini adalah jauh lebih baik dan bermutu berbanding dahulu.

Dalam konteks kajian, dapat disimpulkan bahawa medium-medium yang dibincangkan adalah penting sebagai sumber rujukan bagi pemain-pemain gitar elektrik untuk semua peringkat kemahiran, samada profesional, amatur dan asas. Pembelajaran informal bukan sahaja menjadi amalan kepada pemain gitar non-kidal tetapi kelompok sinistraliti terbalik.

1.1.3 Pembelajaran Non-formal

Menurut Dumitru, T.C, (2018), pembelajaran non-formal merupakan pembelajaran di luar kurikulum dan tidak seperti yang disediakan oleh institusi formal dan non-formal serta beberapa buah institusi pendidikan. Beliau berpendapat, pengajar dari institusi yang diberikan kuasa akan menetapkan kurikulum pembelajaran secara non-formal. Ini demikian kerana pembelajaran non-formal dikatakan turut berlaku di dalam institusi



pendidikan formal. Namun pembelajaran non-formal dinyatakan sebagai salah satu cara mempraktikkan ilmu melalui rakan, keluarga dan eksplorasi sendiri berdasarkan minat.

Pengajaran non-formal ini terbahagi tiga jenis iaitu pengajaran dan pembelajaran sendiri, pembelajaran sampingan dan pembelajaran secara sosial. Kaedah ini dinyatakan sebagai satu pengalaman pembelajaran yang berlaku secara sengaja atau sebaliknya. Dalam pembelajaran gitar elektrik, ini merupakan pendedahan awal individu secara langsung terhadap pengalaman mengenal seni muzik.

Kesimpulannya, penelitian melalui pembacaan terhadap tiga pembelajaran di atas, dapat dikenalpasti pada awalnya bahawa pembelajaran gitar elektrik secara formal hanya berlaku terhadap pemain gitar non-kidal dan sinistraliti standard sahaja.

Manakala pembelajaran gitar sinistraliti terbalik didapati bermula menerusi pembelajaran secara informal dan non-formal sahaja. Justeru, kajian ini mencari pemaknaan kepada amalan pemain gitar jenis ini dan perincian kajian dirungkaikan pada bahagian berikutnya.

1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut pernyataan Zickert, N., Geuze, R. H., van der Feen, F. E., & Groothuis, T. G. (2018), berdasarkan penelitian Strien, Van J. W. (2002), kemampuan tangan seseorang boleh dibahagikan kepada tiga iaitu non-kidal, tangan kidal (sinistraliti) dan *ambidexter* (kedua-duanya). Menurutnyanya sebanyak 10 peratus daripada populasi dunia dipercayai terdiri daripada orang sinistraliti.



The proportion of left-handers has remained constant at approximately 10% of the hominid population, implying that though there are costs associated with left-handedness (if there were not, the proportions of left- and right-handers would be 50:50), left handers must also enjoy fitness advantages that maintain the genes for left-handedness in the population.

(Zickert, 2018, p. 69).

Berdasarkan kadar populasi orang-orang sinistraliti, mereka perlu disifatkan golongan yang harus menerima keadaan sinistraliti sebagai satu kelebihan dan perlu yakin dalam urusan seharian dan menikmati anugerah yang diberikan. Menurut Christman, S. (2010) melalui artikel yang menyentuh tentang keunikan Jimi Hendrix iaitu seorang pemain gitar terkenal sinistraliti barat pada era tahun 60an.

By simply following his own gut feeling, it appears that Jimi grasped that a right-hander might be more comfortable playing a modern guitar in a “left-handed” fashion.

(Christman, 2010, p. 260).

Keunikan kelompok sinistraliti menjelaskan bahawa wujud penghargaan bagi mereka dan dapat dilihat melalui sambutan hari orang-orang sinistraliti iaitu *Left Handers Day* yang diadakan pada 13 Ogos setiap tahun. Sambutan peringkat dunia ini melibatkan kesedaran berkaitan keistimewaan orang-orang sinistraliti dalam pelbagai bidang seperti perubatan, penulisan, sukan, muzik dan lain-lain. Melalui usaha ini persatuan dan kelab antarabangsa telah mewujudkan pelbagai aktiviti seperti tips dalam penggunaan peralatan sinistraliti, pertandingan melukis, bermain alat muzik sinistraliti dan pendedahan peluang-peluang pekerjaan melalui sektor tertentu khas kepada orang-orang sinistraliti.





Dalam usaha memahami amalan kelompok orang sinistraliti terhadap permainan gitar elektrik, penumpuan diberikan terhadap jenis-jenis dan kaedah permainan yang telah dikenal pasti. Berdasarkan tinjauan penyelidik, berikut merupakan dua kategori pemain gitar elektrik sinistraliti iaitu:

1. Permainan gitar sinistraliti tali standard
2. Permainan gitar sinistraliti tali terbalik. (subjek kajian)

Pengistilahan permainan gitar sinistraliti standard ditentukan berdasarkan struktur tali. Aturan tali adalah mengikut struktur asal yang ditetapkan sepertimana pemain gitar non-kidal. Jelas bahawa permainan sinistraliti standard mengekalkan permainan gitar bertali nombor satu (saiz paling kecil) berada pada posisi paling bawah diikuti tali yang berikutnya secara menaik. Keterangan ini dinyatakan melalui pernyataan di bawah:

- **Pemain Gitar Sinistraliti Tali Standard:** Susunan tali menaik (bawah ke atas) iaitu tali satu (nota E) diikuti tali dua (nota B), tali tiga (nota G) tali empat (nota D), tali lima (nota A), dan tali enam (nota E). Sila rujuk **Rajah 1 (a)**.



	
Rajah 1(a). Permainan gitar sinistraliti tali standard (E-B-G-D-A-E)	Rajah 1(b). Permainan gitar sinistraliti tali terbalik (E-A-D-G-B-E)- Subjek kajian

Rajah 1.2. Perbezaan dua jenis permainan gitar sinistraliti berdasarkan aturan tali dan nama tali.

Rajah 1.2 menunjukkan perbezaan diantara permainan gitar sinistraliti tali standard dan permainan gitar sinistraliti tali terbalik. **Rajah 1(a)** merupakan aturan tali bagi pemain gitar sinistraliti standard yang mengamalkan teknik sama seperti permainan gitar non-kidal. Justeru, pemain gitar tali standard didapati boleh mempelajari gitar secara formal mengikut sukatan pelajaran dan bahan rujukan sepertimana pemain gitar non-kidal.

Manakala permainan gitar sinistraliti tali terbalik tidak mengekalkan standard permainan asal bermaksud permainan secara abnormal yang ditentukan melalui struktur tali gitar iaitu aturan tali nombor enam (saiz paling besar) berada di posisi


paling bawah diikuti tali yang berikutnya secara menaik. Keterangan ini dinyatakan melalui pernyataan di bawah:

- **Pemain Gitar Sinistraliti Tali Terbalik:** Susunan tali menaik daripada posisi bawah iaitu tali enam (nota E) diikuti tali lima (nota A), tali empat (nota D) tali tiga (nota G), tali dua (nota B), dan tali satu (nota E). Sila rujuk **Rajah 1 (b)**.

Rajah 1(b) ialah pemain gitar sinistraliti terbalik yang mempunyai perbezaan jelas iaitu struktur tali yang terbalik. Amalan permainan ini menyebabkan keseluruhan kaedah pembelajaran gitar tidak lagi berlaku secara normal tetapi terbalik. Secara dasarnya, amalan permainan gitar seumpama ini tidaklah merupakan satu kesalahan malah disifatkan sebagai satu keunikan kerana kemahiran seni muzik masih berlaku dan individu sinistraliti didapati mempunyai pengalaman berbeza dalam mendekati dan mempelajari permainan gitar.

1.3 Pernyataan Masalah

Menurut Abdulqodir, A. (2014) dalam hasil dapatan kajian, mendapati sesetengah responden sinistraliti bukanlah aktiviti ‘cermin’ (biasan dan pantulan) bagi orang non-kidal. Hujah ini benar kerana aktiviti pembalikan pada cermin kelihatan seolah-olah berlaku ‘pembalikan’ imej posisi kanan ke kiri sahaja tetapi pantulan cermin tidak membalikkan struktur tali atas ke bawah seperti yang telah dijelaskan pada **Rajah 1.2**. Hujah ini dibuktikan melalui rajah di bawah:



Rajah 1.3. Aktiviti biasan dan pantulan imej cermin pemain gitar non-kidal

Menurut kajian Scharoun, S.M., Gonzalez, D.A., & Bryden, P.J. (2018), telah bersetuju terhadap penggunaan sistem penjejakan tiga 3 dimensi (Optotrak 3020) iaitu berkaitan sistem pengukuran pergerakan yang telah diperkenalkan oleh Rosenbaum, Loukopoulos, Meulenbroek, Vaughan, & Engelbrecht, (1995) untuk mengkaji tingkah laku pergerakan pembalikan pada cermin terhadap pergerakan motor dalam perlakuan kognitif seseorang. Pendapat ini bertepatan dengan pengukuran terhadap permainan gitar sinistraliti standard sahaja. Menjelaskan lagi fenomena ini, menurut Christman, S. et. al (2010) berdasarkan petikan artikel yang ditulis berkaitan kekeliruan peminat terhadap permainan gitar elektrik oleh Jimi Hendrix.

It is a commonly held misconception that Hendrix played a regular right-handed guitar that was simply turned upside-down, with the strings consequently in a reversed order (i.e., higher strings above, lower strings below). This is not true: there is ample photographic and biographical evidence that Hendrix reversed the strings on the right-handed guitars that he played left-handed so that the strings were in the “normal” order.

(Christman, 2010, p. 255)

Petikan ini memberi maksud pemain gitar sinistraliti ternama barat iaitu Jimi Hendrix jelas digambarkan bahawa beliau bukan seorang pemain gitar sinistraliti terbalik sepertimana tanggapan sebahagian orang. Hakikatnya, beliau merupakan seorang pemain gitar sinistraliti tali standard dan dilihat berdasarkan struktur tali gitar yang dimainkan beliau. Tetapi umum tidak menyedari bahawa terdapat perbezaan ketara diantara kedua-duanya.

Pengukuran terhadap subjek kajian iaitu permainan gitar sinistraliti terbalik bukan hanya terhadap postur pembalikan imej kanan ke kiri sahaja tetapi memfokuskan pembalikan keseluruhan struktur tali (lihat **Rajah 1.2(b)**). Selain disifatkan permainan ini sebagai diluar norma biasa, wujud kekeliruan dan berlaku perubahan tingkah laku terhadap teknik permainan. Pemasalahan ini wujud terutamanya kepada pemain gitar asas dalam pelbagai aspek. Contohnya, permainan gitar sinistraliti terbalik telah mengubah senario dalam pembelajaran gitar terutamanya keseluruhan sistem penjarian dan tidak lagi mengikut kelaziman yang ada pada mana-mana pembelajaran formal permainan gitar.

Sehubungan itu, permasalahan utama permainan gitar elektrik sinistraliti terbalik adalah terhadap pembalikan komponen-komponen utama yang terdapat pada badan gitar elektrik. Fungsi komponen-komponen ini turut diaplikasikan secara terbalik meliputi struktur *tali*, *knob*, *pick up selector*, *whammy bar*, *cable jack*, *strap* dan lengkungan badan gitar. Antara lain, ini mengganggu keselesaan pembelajaran permainan gitar sekiranya tidak didedahkan dengan panduan yang betul. **Rajah 1.4** menerangkan keadaan ini:



Rajah 1.4. Pembalikan komponen-komponen melalui permainan sinistraliti terbalik menggunakan gitar pemain non-kidal

Pada rajah di atas menerangkan keadaan yang mana fenomena permainan ini berlaku melalui adaptasi penggunaan gitar elektrik non-kidal. Terdapat dua perbincangan penting dalam memahami amalan pemain gitar sinistraliti terbalik merujuk kajian ini.

Pertama adalah untuk mengekalkan komponen gitar elektrik pada kedudukan asal pada badan gitar boleh dilaksanakan dengan cara mendapatkan gitar yang dibuat khas untuk orang sinistraliti sahaja. Namun hanya sebahagian kecil pemain gitar sinistraliti asas dapat merealisasikannya. Menurut Neal (2020), gitar elektrik sinistraliti mempunyai harga yang lebih tinggi berbanding gitar non-kidal kerana kriteria pembuatan gitar sinistraliti adalah memerlukan kemahiran orang sinistraliti, peralatan khas dan yang melibatkan tenaga, masa dan kos sedangkan permintaannya rendah.

Pernyataan ini menyokong alasan mengapa pemain gitar sinistraliti asas membuat keputusan untuk bermain gitar milik pemain non-kidal kerana menganggap permainan gitar merupakan satu hobi, aktiviti riadah dan sekadar mencuba pelbagai



kemahiran secara sendiri. Justeru, tiada kepentingan bagi mereka untuk menanggung kos pembelian gitar khas sinistraliti yang sukar diperolehi dan harga yang mahal. Selain itu, mereka tidak mengalami risiko pembaziran sekiranya beralih arah untuk menceburi pilihan hobi yang lain.

Perkara kedua yang menjelaskan amalan ini ialah kecenderungan pemain gitar sinistraliti terbalik untuk mengekalkan permainan tali terbalik ini tanpa mengira jenis gitar elektrik yang dimainkan sama ada gitar non-kidal atau gitar khas sinistraliti. Pengamal sinistraliti terbalik ini mempunyai alasan tersendiri antaranya kelebihan posisi terbalik dan cabaran permainan yang diperolehi merupakan dorongan terhadap karakter permainan yang bersifat lebih *superior*, unik dan berbeza.



berlaku terhadap pemain asas dalam memulakan pembelajaran gitar elektrik. Lima masalah utama dikenal pasti dalam memulakan kaedah pembelajaran gitar sinistraliti terbalik, iaitu:

- Pengendalian komponen-komponen terbalik pada badan gitar.
- Teknik penjarian terbalik dalam permainan kord, skel dan arpeggio.
- Teknik terbalik dalam permainan *strumming* dan *plucking*.
- Pembacaan notasi dan *tablature* untuk dikoordinasi terhadap penjarian terbalik.
- Kaedah mendengar dan menghasilkan bunyi untuk pengaplikasian penjarian.

Kesimpulannya, pemasalahan yang dinyatakan mempunyai hubung kait di antara satu dengan yang lain seterusnya membentuk persoalan-persoalan yang perlu



dirungkai selari dengan keperluan kelompok sinsitraliti. Justeru, adalah amat perlu satu pembangunan sukatan pelajaran yang lengkap bagi pemain sinistraliti terbalik peringkat asas. Ini melibatkan perincian setiap satu kandungan kepada sub kandungan yang lebih mendalam dengan memfokuskan aras-aras pembelajaran merangkumi konstruk-konstruk dan elemen-elemen penerapan kemahiran belajar. Ini merangkumi ketepatan isi kandungan baharu yang relevan dan komprehensif.

1.4 Objektif Kajian

Kajian yang akan dilaksanakan ialah pembangunan sukatan pelajaran permainan gitar sinistraliti terbalik peringkat asas. Secara spesifiknya, objektif kajian ini adalah seperti

 05-4506832
  pustaka.upsi.edu.my
  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
  PustakaTBainun
  ptbupsi
 berikut:

1.4.1 Menganalisis keperluan kandungan sukatan pelajaran pembelajaran yang relevan terhadap pemain gitar sinistraliti terbalik berdasarkan adaptasi sukatan formal sedia ada.

1.4.2 Membangunkan sukatan pelajaran pembelajaran peringkat asas gitar untuk permainan gitar sinistraliti terbalik yang komprehensif berdasarkan data-data diperoleh.

1.4.3 Mengesahkan sukatan pelajaran pembelajaran peringkat asas gitar sinistraliti terbalik yang telah dibangunkan oleh pakar-pakar.



1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini ialah pembangunan sukatan pelajaran pembelajaran asas gitar sinistraliti terbalik yang dikhaskan untuk pemain gitar sinistraliti terbalik sahaja. Persoalan yang akan membantu pelaksanaan untuk mencapai objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Apakah keperluan kandungan sukatan pelajaran pembelajaran untuk pemain gitar sinistraliti terbalik peringkat asas?
2. Apakah sukatan pelajaran pembelajaran gitar sinistraliti terbalik peringkat asas yang dibentuk berdasarkan data-data yang diperoleh?
3. Adakah pembangunan sukatan pelajaran pembelajaran gitar sinistraliti terbalik peringkat asas yang dibangunkan sah pada pandangan pakar?

1.6 Definisi Operasional

Konsep yang akan digunakan dalam kajian ini tertakluk kepada definisi operasional seperti berikut:





1.6.1 Pembangunan

Perihal menghasilkan dan membina sesuatu sukatan pelajaran berdasarkan proses-proses tertentu dalam mencapai kemajuan dalam aspek yang ditentukan melibatkan aspek perbandingan, kelemahan dan kekuatan struktur.

1.6.2 Sukatan Pelajaran

Sukatan pelajaran ialah senarai deskriptif mata pelajaran yang diajar dan mempunyai butiran seperti jadual, penilaian, tugasan, projek, dan lain-lain. Sukatan pelajaran sinistraliti terbalik merupakan sukatan pelajaran baharu yang berfungsi sebagai panduan pembelajaran gitar elektrik terbalik khas untuk pemain asas.



1.6.3 Peringkat Asas

Peringkat bermaksud aras-aras kandungan pembelajaran dalam sukatan pelajaran, manakala perkataan asas merujuk sesuatu perkara baharu berdasarkan kajian pembangunan sinistraliti terbalik dan akan menjadi pendukung kepada sesuatu yang lebih tinggi.

1.6.4 Gitar Sinistraliti Standard

Perihal berkaitan susunan tali gitar secara menaik daripada posisi bawah iaitu tali satu (nota E) diikuti tali dua (nota B), tali tiga (nota G) tali empat (nota D), tali lima (nota A), dan tali enam (nota E).



1.6.5 Gitar Sinistraliti Terbalik

Perihal susunan tali gitar secara menaik daripada posisi bawah iaitu tali enam (nota E) diikuti tali lima (nota A), tali empat (nota D) tali tiga (nota G), tali dua (nota A), dan tali satu (nota E).

1.6.6 Adaptasi

Penyesuaian keadaan terhadap sukatan pelajaran yang baharu atau berbeza yang melibatkan struktur asal dokumen ikutan dan melibatkan perubahan-perubahan baharu yang lebih menguntungkan.

1.6.7 Modifikasi

Proses pengubahsuaian sesuatu dalam keadaan atau sifat asal supaya signifikan dengan keperluan dalam konteks sukatan pelajaran yang dikehendaki berpandukan objektif dan matlamat kajian yang telah ditetapkan.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini merupakan pembangunan sukatan pelajaran pemain gitar sinistraliti terbalik peringkat asas yang dikhaskan kepada kelompok pemain gitar sinistraliti yang mengaplikasi struktur permainan tali terbalik sahaja. Kandungan sukatan tidak



mempunyai persamaan diantara kaedah biasa yang didapati dalam mana-mana dokumen standard bertulis sebelum ini. Secara holistik, batasan kajian berlaku kepada kelompok pemain gitar sinistraliti tali standard kerana dokumen ini tidak dibangunkan kepada kelompok berkenaan. Sehubungan itu, batasan kajian hanya dikenal pasti khusus terhadap pemain gitar sinistraliti terbalik seperti berikut:

1.7.1 Fasa Pengesahan Bukan Kebolehgunaan

Kajian pembangunan ini hanya melalui fasa pengesahan sebagai fasa akhir sahaja. Ini bermaksud kajian tidak melalui fasa pengujian kebolehgunaan. Justeru, sukatan ini adalah dokumen asas yang berfungsi sebagai panduan melalui spesifikasi-spesifikasi yang dicadangkan. Sukatan ini hanya menyenaraikan tanpa melaksanakan kaedah pentaksiran secara formal.



1.7.2 Tiada Peperiksaan Formal

Pembinaan sukatan pelajaran sinistraliti terbalik ini ialah adaptasi dan modifikasi daripada satu sukatan pelajaran peperiksaan gitar elektrik terpilih. Proses modifikasi sukatan pelajaran asal adalah dilaksanakan berdasarkan pernyataan masalah, persoalan kajian dan objektif kajian. Justeru, kajian ini tidak dibangunkan untuk sebarang jenis pelaksanaan peperiksaan formal sebelum kajian kebolehgunaan dilaksanakan.



1.7.3 Gitar Elektrik

Sukatan pelajaran ini akan menggunakan gitar elektrik sebagai subjek kajian sahaja. Permainan gitar elektrik sinistraliti terbalik tidak menggunakan teknik *finger style* sepertimana yang terdapat pada gitar akustik dan klasikal. Justeru, pengaplikasian melalui teknik petikan gitar sinistraliti terbalik hanya melalui pemetik gitar sahaja. Kaedah petikan menggunakan jari akan membataskan penggunaan sukatan ini.

1.7.4 Pembacaan Not dan *Tablature*

Sukatan pelajaran sinistraliti mempunyai isi kandungan melalui kepelbagaian penggunaan notasi asas, gambarajah dan *tablature* yang dilihat sebagai satu batasan kepada subjek sasaran. Ini berdasarkan penulisan jurnal Harrison, E. (2010,) pada bahagian *notation issue* menjelaskan bahawa pembelajaran not melalui penggunaan *tablature* pada gitar non-kidal bukanlah satu kelebihan kerana *tablature* tidak menunjukkan melodi tepat pada pola ritma yang betul kecuali disertakan dengan notasi standard. Justeru, aplikasi penggunaan *tablature* oleh pemain gitar sinistraliti terbalik berkemungkinan akan mengelirukan kerana sukatan ini menggunapakai notasi dan *tablature* standard berpandukan dapatan kajian.

1.7.5 Kaedah Mendengar dan Mengaplikasi Bunyi

Penerapan elemen bunyian gitar elektrik adalah penting bertujuan menentukan kefahaman konsep penghasilan ton dan intonasi. Batasan dihadapi dari sudut pendengaran. Pemain sinistraliti terbalik harus mempunyai kepekaan bunyi yang lebih

baik, tepat dan kreatif dari kebiasaan. Walaupun permainan gitar sinistraliti terbalik menghasilkan bunyi dan ton yang sama dengan pemain gitar lazim, kekeliruan intonasi mungkin berlaku semasa proses pembelajaran. Ini dilihat menerusi imitasi bunyi, koordinasi penjarian seterusnya mengaplikasi pada papan fret.

1.8 Kepentingan Kajian

Menurut Shahimi M. A., (2018), penggunaan otak kanan berfungsi mengatur kreativiti, keupayaan persepsi, pengenalan dimensi ruang, situasi waspada dan ruang yang dilihat berkembang lebih baik. Beliau berpendapat, bahawa orang sinistraliti dapat menjadi *superior* dibandingkan dengan orang kanan berdasarkan panduan yang betul. Gambar

raajah berikut merupakan ilustrasi bahagian otak manusia:



Rajah 1.8. Peranan otak manusia pada bahagian kiri dan kanan

Berdasarkan penulisan S. Kay., (2018), telah menyenaraikan perkara-perkara orang sinistraliti yang menurutnya lebih hebat dari orang kanan jika dilihat melalui sudut pandang tradisi penggunaan otak kanan (*right hemisphere*) bagi aktiviti-aktiviti kreatif. Beliau menyatakan bahawa orang sinistraliti lebih mengejar kerjaya kreatif berbanding kerjaya-kerjaya lain dan contohnya dalam bidang seni muzik dan penghasilannya. Oleh yang demikian, dalam menyelesaikan persoalan dan menjawab objektif kajian, adalah penting bagi penyelidik mengenal pasti kelebihan yang dimiliki oleh kelompok sinistraliti melalui platform pembangunan sukatan pelajaran.

Kemampuan kelompok sinistraliti dalam bidang kemahiran bermain gitar merupakan aspek penting kajian melalui usaha mewujudkan bahan rujukan formal dalam bentuk dokumen sukatan pelajaran. Justeru, kajian ini telah menjalankan analisis yang komprehensif dari sudut pengenalan asas sinistraliti terbalik secara teknikal seperti komponen-komponen gitar, postur bermain gitar sinistraliti, tetapan gitar, teknik penjarian kord, skel, arpeggio, *plucking*, *strumming* dan tips permainan lagu secara sistematik. Secara spesifiknya, kepentingan kajian berfungsi terhadap faktor-faktor yang dinyatakan di bawah:

1.8.1 Individu dalam Kelompok Sinistraliti

Kajian yang dijalankan ini diharapkan memberi input kepada individu dalam kelompok pemain gitar sinistraliti terbalik yang dirujuk sebagai pelajar. Sukatan pelajaran formal ini berbentuk pembelajaran terbuka dan tidak mempunyai tempoh masa pembelajaran dan tiada had umur serta profesion ditetapkan. Sumbangan ilmiah adalah melalui panduan pembelajaran melalui spesifikasi unit-unit yang telah disenaraikan daripada



unit-unit pembelajaran yang telah dipilih. Matlamat kajian berkesan sekiranya individu dalam kelompok ini memanfaatkan kaedah pembelajaran yang bersesuaian seperti pola interaksi *Blend Learning* yang memberi maksud interksi bersemuka atau secara atas talian.

1.8.2 Pendidik Gitar Sinistraliti (*Sinistrality Guitar Instructor*)

Pendidik gitar sinistraliti merujuk kepada guru muzik yang mengajar alat muzik gitar elektrik secara formal. Kepentingan kajian dapat dikenalpasti dalam bidang pemerksaan ilmu pengetahuan gitar melalui spesifikasi unit-unit serta kandungan sukatan pelajaran baharu yang telah disediakan. Unit-unit pembelajaran asas yang telah didokumenkan, mempunyai aras-aras kemahiran, konstruk-konstruk dan teori-teori pembelajaran. Walaupun kajian ini bukan kajian kebolegunaan, sukatan pelajaran ini boleh digunakan sebagai panduan kepada guru. Kandungan ini memudahkan modul pengajaran dirangka dan dimanfaatkan.

1.8.3 Ahli Penyelidik

Kajian ini signifikan terhadap penyelidik-penyelidik dalam yang berhasrat untuk membuat rujukan dan bahan bacaan. Walaupun terdapat banyak bahan perkongsian berbentuk tutorial terhadap pengenalan teknik permainan gitar sinistraliti terbalik, namun tiada kajian berbentuk sukatan pelajaran untuk pemain gitar ini dapat diperoleh. Ketiadaan sukatan pelajaran ini telah melahirkan idea pembangunan ini dan memberi peluang untuk para penyelidik lain membuat rujukan dalam bidang pelbagai serta





kajian lanjutan terhadap pemain gitar sinistraliti bukan sahaja di Malaysia tetapi di peringkat antarabangsa.

